



SEJARAH JKR LARUT MATANG & SELAMA



Pejabat Baru JKR

Jabatan Kerja Raya (J.K.R.) Taiping kini meliputi dua daerah, iaitu Larut dan Matang berserta daerah kecil Selama yang mempunyai keluasan 2,048 km/per. (800 b/ per). Dari catatan silam yang dapat di kesan, J.K.R Taiping telah diwujudkan pada tahun 1935 dan berfungsi di sebuah bangunan dua tingkat di Jalan Tameng Sari (dahulunya Jalan Besar), Taiping yang ketika itu dikenali sebagai 'TOWN HALL' yang terletak berhampiran Padang Esplanade dan ditempatkan di tingkat bawah. Di bangunan yang sama juga di tingkat atasnya pula merupakan Ibu Pejabat J.K.R Negeri Perak atau STATE ENGINEER OFFICE. Bangunan ini telah pun dirobohkan pada tahun 1975 di mana tapaknya kini telah dibina sebuah bangunan Dewan Perbandaran Taiping yang baru.

Waktu pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 hingga 1945, pejabat JKR Taiping telah dipindahkan ke Sekolah Menengah King Edward VII dan pada masa itu pentadbiran ini diambil alih oleh Tentera Jepun dari tangan Pegawai Teknik British. Pada bulan Disember 1945, British telah kembali ke Tanah Melayu dan pentadbiran J.K.R telah disusun. Di waktu itu J.K.R Taiping ditempatkan di sebuah bangunan di persimpangan antara Jalan Stesen dan Jalan Istana Larut. Di antara tahun 1979 hingga 1980 satu perancangan membina sebuah bangunan yang baru dan tersendiri bagi memuatkan keseluruhan

Pejabat Lama JKR



kakitangan telah dicadangkan memandangkan bangunan yang digunakan ketika itu (Jalan Stesen) adalah tidak lagi sesuai dan selesa bagi bilangan pekerja yang

bertambah ramai. Hasil dari perancangan ini, dalam tahun 1981 Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan projek pembinaan bangunan baru dan kerja-kerja pembinaan bermula pada 10.08.1981 dan telah siap pada 03.07.1983 yang menelan belanja sebanyak RM2,326,843.00

Pada 15.10.1983 pentadbiran JK.R Taiping telah berpindah ke bangunan baru ini yang berhawa dingin dan lebih selesa dan teratur berserta kelengkapan pejabat terbaru. Bangunan ini memberi berbagai kemudahan kepada kakitangan diantaranya tempat letak kereta yang luas dan disediakan ruang rekreasi sukan. Bangunan baru ini juga diperindahkan lagi dengan taman-taman bunga kolam-kolam ikan dan kolam air pancut yang mana rekreasi ini adalah hasil cipta dan usaha kakitangan JKR Taiping secara bersepadu. Dengan kemudahan dan keselesaan mendorong lagi semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya Taiping menjayakan konsep 'JAYAKAN KEHENDAK RAKYAT'

ISTIMEWA DI DALAM

Personaliti Popular	M.S 2
Warga Baru	M.S. 2
Gangguan Seksual	M.S. 3
Aduan Awam	M.S. 3
Peristiwa Bergambar	M.S 4 & 5
Penganugerahan/Pertukaran	M.S. 6
Ruangan Sembang-Sembang	M.S. 6
Dalam Kenangan	M.S. 7

**Kepimpinan
adalah seni
mendapatkan
seseorang
melakukan sesuatu
dengan sebab**



**dia mahu
melakukannya**

D. Eisenhower

Sidang Pengarang

Penaung

TUAN HAJI HASAN BIN LONG AHMAD
*Jurutera Daerah,
JKR Larut Matang & Selama, Taiping.*

Penasihat

EN. BADRUL HISHAM B. ABDULLAH
*Jurutera Jalan
JKR Larut Matang & Selama, Taiping.*

Editor

AZHAR B AHMAD
S. RAMASAMY
ABDUL MOIN B. MAT DAUD
MOHD DZAZULI B MUFTI
RAHMAH BT ABDULLAH
AHMAD B KENEK
SALMAH BT IDRIS
HJH ZAKIAH BT MOHD ALI
AZIRUSLAN BIN YEOP OTHMAN
ROSIDAH BT HASSAN BASRI
MOHD RAZALI B DIN

Laman Web JKR LM&S

<http://www.geocities.com/jkrtaiping>
email: jkrtaiping@yahoo.com

Sidang Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel, cadangan dan pandangan yang membina bagi mengemaskini dan mempertingkatkan lagi mutu pengeluaran Buletin Berita LMS. Sumbangan dan cadangan ini boleh dialamatkan kepada:

Editor Berita LMS

(Azhar b. Ahmad)
Juruteknik Kanan Jalan
JKR Larut Matang & Selama
Taiping

Biodata



TUAN HAJI HASAN B LONG AHMAD
Jawatan: Jurutera Daerah

Tempat Lahir: Terengganu
Kelulusan: Diploma Kejuruteraan Awam, UTM,
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan University of
Glasgow U.K.

Pengalaman Kerja: Pembantu Teknik JKR, Besut, Terengganu,
Mei 1977 hingga 1979
 Jurutera Projek, Lapangan Terbang Kuala
Terengganu, Jun 1982 hingga Okt 1983
 Jurutera Bangunan JKR Kuala Terengganu,
Nov 1983 hingga Mei 1991
 Jurutera Daerah JKR Mersing Johor, Jun
1991 hingga Nov 1996
 Jurutera Projek Masjid Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur, Dis 1996 hingga Mac 2001
 Penolong Pengarah Jalan JKR Kelantan April
1997 hingga Mac 2001
 Jurutera Daerah JKR Larut Matang &
Selama Taiping, April 2001 hingga sekarang

Keluarga: Mempunyai seorang isteri dan empat orang anak
(dua perempuan dan dua lelaki)

Hobi: Menonton TV

Prinsip Hidup: Jangan menyusahkan orang lain

Warga Baru JKR LM&S



PUAN RAHMAH
BT. ABDULLAH

Puan Rahmah bt Abdullah dilahirkan di Perak pada tahun 1951. Telah berkahwin dan mempunyai 5 orang anak - 4 perempuan dan seorang lelaki.

Beliau telah berkhidmat lebih kurang 31 tahun di beberapa Jabatan sebagai Jurutaip dan menjawat jawatan sebagai Pembantu Tadbir pada tahun 1979 hingga sekarang. Telah ditukarkan ke JKR Larut Matang & Selama Unit Tentera pada 1hb Disember 2002 di Bahagian Kewangan. Beliau juga merupakan seorang Editor bagi Berita LM&S.

GANGGUAN SEKSUAL

Tingkah laku seksual yang tidak diinginkan dan menjadi gangguan di tempat kerja. Ia dilakukan samada secara lisan, bukan lisan, visual psikologi atau fizikal :-

- i). Mangsa menganggap dirinya dikenakan syarat berbentuk seksual dalam perkhidmatannya.
- ii). Mangsa menganggap sebagai satu pencabulan maruah, penghinaan atau ancaman terhadap dirinya dan tidak berkaitan secara langsung dengan perkhidmatannya.

KLASIFIKASI GANGGUAN SEKSUAL

Melalui kod Amalan ini di gariskan klasifikasi gangguan seksual seperti berikut :-

- i). Ugutan
- ii). Ancaman Ketenteraman Peribadi

UGUTAN

Orang yang berkuasa mengenai gaji, kenaikan pangkat dan lain-lain, cuba mengugut orang bawahan supaya memberi layanan seksual, jika layanan diberi, faedah-faedah itu diberi, jika tidak faedah-faedah itu dinafikan.

MENGANCAM KETENTERAMAN PERIBADI

- i Rakan Sekerja
- ii Pelanggan Syarikat
- iii Majikan (dalam keadaan tertentu)

Dalam dunia ini, tidak ada kesilapan atau ketidaksengajaan. Semua yang mendatangi kita adalah untuk kita pelajari daripadanya

-Elizabeth

Yang meninggikan darjat seseorang itu ialah akal dan adabnya bukan asal keturunannya.

-Aristotle

Apabila sempurna akal, kurang perkataan.

-Saidina ali Abi Talib

Siapa yang membangun rumah di atas ombak, itulah dunia. Maka janganlah kamu mengambilnya untuk menjadi tempat untuk menetap.

-Isa a.s

Saidina Albin Abu Talib berkata

“Barang siapa yang sedang mencari ilmu, maka syurga sedang mencarinya dan barang siapa yang sedang mencari maksiat, maka neraka mencarinya”

Mutiara Kata

ADUAN AWAM

Salah satu bidang kerja saya di jabatan ini adalah mengendalikan hal-hal aduan seperti membalas surat berkenaan aduan, menjawab panggilan telefon dan menyiasat aduan yang diterima dan melakukan tindakan atas arahan Ketua Bahagian.

Bukan senang hendak menyelesaikan sesuatu aduan ia pastinya melibatkan ramai orang dan kita perlukan kerjasama dan tentunya penyelesaiannya dibuat dengan segera dan memuaskan hati orang ramai bak kata cogan 'JKR' Jasa Kepada Rakyat.

Kalaulah saya 'Bionic Woman' atau Super Woman' mahunya semua aduan hendak diselesaikan dengan segera. Tetapi semua aduan bergantung kepada kerjasama pekerja dan semangat bekerja dan bersatu padu baharulah kerja dibuat dengan cepat, cekap dan berjaya.

Orang Awam haruslah faham bahawa semua aduan

akan dilaksanakan dengan segera. Kadang kala keadaan yang di luar jangkaan boleh membuatkan sesuatu aduan itu tergendala atau tidak dapat dijalankan dengan sebaik mungkin, misalnya suasana hari cuti Kemungkinan untuk menghubungi pekerja menjadi masalah.

Kita sebagai komiti yang terlibat harus mengerti dan segera memberi khidmat yang baik untuk rakyat yang menganggap jabatan ini sebagai tempat mengadu.

Herdik, tengking dan dimarahi serta berbagai karena, menjadi perkara biasa semasa menyambut panggilan aduan. Perkara begini memang sudah menjadi lumrah kehidupan dan kita harus menerimanya dengan kesabaran dan kerelaan hati demi kepentingan sejagat. Walau bagaimanapun yang menjadi perkara utama semua orang harus berpuas hati dengan apa yang ada dan segala kejadian itu anggaphlah lumrah dunia dan semua itu adalah datang dari Yang Maha Kuasa. Allah S.W.T.

RHB Senggaraan Jalan

Peraduan Mereka Cipta Tajuk dan Logo Buletin JKR Larut Matang dan Selama

Kami mengalu-alukan warga JKR LMS untuk menyertai peraduan Mereka Cipta Tajuk dan Logo Buletin Keluaran JKR LMS. Pemilihan akan dibuat atas kreativiti dan daya cipta yang asli. Pemenang akan diberi hadiah yang sungguh menarik. Gunakanlah peluang ini untuk menambahbaik lagi kreativiti anda. Sila hantarkan hasil ciptaan anda ke Editor Berita LMS

Peristiwa Bergambar



Tuan JD dan ketua-ketua bahagian sedang bersalam-salaman semasajamuan hari raya.

MAAF ZAHIR & BATIN...



Nak mengukur anak panah jalan ke? Orang kuat Pentadbiran En. Zailani dan Orang kuat Setor Hj. Aris. Semasa senamrobik di Pekarangan JKR Taiping.



Jangan berebut... Banyak lagi makanan tu. Inilah suasana Majlis Jamuan Harijadi Yang diadakan setiap 3 bulan sekali



Hai... Kesiannya abang kita seorang ni. Merajuk ke...

KAWAN A KAWAN!

Kawan A Kawan
Kenapa Mahu Lawan
Kita kan Kawan
Dulu sama-sama
Kongsi teh Secawa

Kawan-Kawan
Kenapa Mahu Lawan
Orang lain maju ke depan
Orang kita cari jalan
Jatuhkan Kawan

Kawan-Kawan
Kenapa Mahu Lawan
Kan KE cukup Rezeki Tuhan
Buat Kita Ramai-ramai
MAKAN

Kawan-kawan
Bukan nak cari lawan
Sekadar nak ingatkan teman
Hati-hati dengan
Gunting Dalam Lipatan

Kawan-kawan
Kita SAMA-SAMA cari makan
Bila Fikir masa depan
JANGAN Tabur Pasir
Dalam Periuk Kawan

Kawan-kawan
Cuba dikaji orang Tua Pesan
KAWAN JADI LAWAN
LAWAN JADI KAWAN



Inilah dia Tuan JD (tengah) dan ketua-ketua bahagian kita, begitu segak dan bergaya sekali.

Peristiwa Bergambar



Ini adalah gambar kenangan semasa lawatan sambil belajar ke Medan, Indonesia. Sebelah kiri (berdiri) Tuan JD Hj. Hassan, Hj. Omardin, sebelah kiri (duduk) Puan JJ, Puan Hj. Omardin, Puan Sidah, Puan Aziah, Hjh. Zakiah, Puan Rosni dan Puan Anne, dari kiri (duduk dibelakang) En. Sarifuddin, En. Ramasamy, (berdiri dari kanan) Puan JP, En. Satar, En. Badrulhisham, En. Zailani, Puan Sharifah, En. Faizal dan Puan Ponnishwari



Ini adalah gambar kenangan Peserta KMK bersama-sama hadiah yang telah dimenangi semasa Hari Kualiti. Jabatan kita telah merangkul Piala Pusingan dalam semua kategori. TANIAH DIUCAPKAN.....



Jamuan Hari Raya di Perkarangan Pejabat



*Amboi... Laparnya abang-abang kita ni,
Tak ingat orang kat rumah ke.*

Hai... Abang Yunus kita tu nak makan-makanlah jangan dok gayut telefon

PENGANUGERAHAN /PERTUKARAN TAHUN 2002

Keputusan Pergerakan Gaji Di Bawah SSB Persekutuan

Bil.	Nama	Jawatan	Keputusan
1	Ahmad bin Kenek	Juruteknik J17 (Bhg. Pendidikan)	Melintang
2	Syed Ismail bin Syed Ibrahim	Juruteknik J17 (Bhg. Pendidikan)	Melintang
3	Teh Kean Heng	Juruteknik J17 (Bhg. Unit Kerja Tentera)	Menegak

Negeri

Bil.	Nama	Jawatan/Bahagian	Keputusan
1	Alias bin Yahaya	PRA (Bhg. Jalan)	Melintang
2	Payremalu a/l Veerappan	PRA (Bhg. Bangunan)	Melintang
3	Mohd Yusof bin Mat Aris	PRA (Bhg. Bangunan)	Melintang
4	Ahmad Raduan bin Ramli	Tukang K3 (Bhg. Jalan)	Melintang
5	Ridzuan bin Ghazali	Pemandu (Bhg. Jalan)	Menegak
6	Mohd Yusof bin Abu Kassim	Juruteknik J7 (Bhg. Bangunan)	Menegak
7	Zailani bin Hashim	Pembantu Tadbir (Pentadbiran)	Menegak
8	Mohd Nasaruddin bin Kamaruddin	Tukang K2 (Mekanikal)	Menegak
9	Fatimah bt. Rijaludin	Pembantu Tadbir Rendah (Bhg. Jalan)	Menegak
10	Arjunan a/l Irishan	Tukang K2 (Mekanikal)	Menegak
11	Zainal Abidin bin Awang Kecil	Juruteknik J7 (Bhg. Jalan)	Menegak

RUANGAN SEMBANG-SEMBANG JKR

Alkisah tentang budak-budak yang datang masuk ke jabatan ini untuk menjalani latihan. Hal mereka menjadi bualan sesetengah kawan..kut nak kerja kat jabatan kerajaan tu.. datang kerja pakailah pakaian yang sesuai sikit.. ini suka hati depa saja. Macamlah pejabat ni mereka yang punya.

Sembang-sembang – Dulu ada juga kena latihan kat jabatan kerajaan ini.. tapi kalau masuk pejabat pakai baju macam orang nak kerja la... Nak pergi site baru lah rock sikit, Bila aje balik ofis salin baju.

Ni sembang-sembang nak cerita sikit... kesihan kawan kita ni ..frust habis sampai tak mahu terlibat langsung dalam sebarang aktiviti jabatan. Kechik hati sebab orang atas tak offer langsung lawatan ke Medan dan Hadyai baru-baru ni. Dengar kata sesiapa yang menaikkan nama Jabatan saja, dapat offer pergi. Kawan kita tu kata... Aku ni tonggeng terbalik duduk kat site ni tak siapa nampak . Macam tu buat kerja separuh nak mampus tak menaikkan nama jabatan ke...?

Sembang-sembang – turut simpati dengan nasib kawan tu.

Semua orang yang kerja .. lama kelamaan akan pencen. Adalah kawan kita tu.. bila suruh buat kerja.. apa-apa ajelah pokoknya tak mau terlibat langsunglah dengan apa jua aktiviti kononnya nak pencen sekian sekian haribulan.. Tapi jangan lupa gaji jalan lagi tau.. tak kanlah nak makan gaji buta kut...

Sembang-sembang – nak gurau aje.

Ini pulak tentang kuarters JKR. Macam-macam hal . Kita buka untuk orang luar duduk kuarters, ada yang bising.. “buat apa bagi orang luar .. buat kacau saja”.. macamlah rumah tu depa punya. Kut nak biar kosong tu.. depa nak jaga ke...? daripada hantu jerangkong ceroboh lebih baik kita bagi peluang orang duduk..barulah terjaga sikit kawasan rumah tu.

Sembang-sembang - nak bagi pendapat aje.

-Mesra Abadi/03

PENGHARGAAN & TAHNIAH

JKR Larut, Matang & Selama telah memenangi lima dari sepuluh anugrah yang dipertandingkan pada Hari Kualiti JKR Perak Tahun 2002 yang telah diadakan pada 30 oktober 2002 di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan.

- Piala Ketua Penolong Pengarah (Jalan) untuk Pertandingan Penyelenggaraan Jalan Terbaik.
- Piala Timbalan Pengarah JKR Perak untuk Pertandingan Pengurusan Kewangan Terbaik.
- Piala Pengarah Pendidikan JKR Perak untuk Pertandingan Pengurusan Projek Pendidikan Terbaik.
- Piala Anugrah Kualiti YB. Dato' Ong Ka Chuan

JKRLMS mengucapkan terima kasih kepada warga JKR Daerah yang membolehkan kemenangan ini dan berharap akan mengekal dan meningkatkan kualiti kerja setiap masa akan datang.

Setiap Kejadian Ada Pengajaran

KEBELAKANGAN ini kes pinjaman secara haram yang lebih dikenali sebagai 'Along' heboh diperkatakan di me-
i a
massa tempatan. Ada yang melibatkan peniaga-peniaga kecil, kakitangan kerajaan berpendapatan rendah, orang kampung dan beberapa golongan lain. Rata-rata yang terlibat ialah orang Melayu beragama Islam dan tidak ketinggalan juga golongan lain di Malaysia. Tidak tahu di mana silapnya hingga mereka sanggup melakukan kerja sedemikian walaupun ianya salah disisi undang-undang di negara kita ini dan kesan kepada peminjam itu di kemudian hari nanti.

Rata-rata hanya menuding jari dan menyalahkan kerajaan saja tetapi tidak ramai yang menyalakan perkara ini atas faktor-faktor lain seperti peminjam itu sendiri atau suasana masa kini. Desakan nafsu hidup ingin mewah dan bersenang-senang mungkin salah satu daripadanya atau justeru itu harus dipersalahkan juga.

Walau apapun pokok pangkalnya, setiap umat Islam perlu berpegang teguh kepada Islam dan undang-undang yang telah ditetapkan di negara yang tercinta ini demi masa depan generasi akan datang. Oleh yang demikian marilah kita sama-sama menentang perkara ini.

Dari:
Editor

Renungan Sepintas Lalu

Waktu-waktu yang TIDAK digalakkan tidur.

1. Awal pagi setelah terbit matahari.
2. Selepas waktu Asar.
3. Tidur di bawah cahaya matahari walaupun terkena separuh dari badan.

Dari
Aja'a
Bahagian Jalan (Projek)

Mutiara Kata

Kebanyakan perkara-perkara penting yang berlaku di dunia ini disempurnakan oleh mereka yang terus dan sentiasa berusaha walaupun ia nampaknya tidak mempunyai harapan langsung

-Dale Carnegie

Ikutilah resam lebah yang memberi manfaat, jangan ikut resam lalat yang menyebarkan penyakit.

Dalam Kenangan

Seluruh warga JKR, merakamkan ucapan takziah kepada balu dan ahli keluarga:-

1. Encik Joseph Francis a/l Nathan yang telah meninggal dunia pada 8.9.2002 kerana penyakit Barah di rumahnya.
2. Encik Mat Yusof bin Osman meninggal dunia pada 13.3.2002 kerana Barah Usus di Hospital Taiping.
3. Encik Arumuganathan a/l Kootan yang telah meninggal dunia pada 20.1.2002 kerana penyakit Jantung di rumahnya



Mendiang En. Joseph Francis



Allahyarham En. Mat Yusof



Mendiang En. Arumuganathan

Majlis Peyerahan Bangunan Sekolah Kebangsaan Bendang Siam, Taiping, Perak



Majlis penyerahan bangunan tersebut telah dimeterai pada 13 hb. Januari, 2003. Pihak Jabatan Kerja Raya Larut Matang & Selama telah diwakili oleh Tuan Haji Hasan bin Long Ahmad

selaku Jurutera Daerah manakala wakil dari Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang & Selama, Taiping, Perak oleh Tuan Haji Ahmat Bin Hamzah.

Majlis itu juga turut dimeriahkan dengan kehadiran pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung terdiri dari En. Abdul Satar Bin Muhammad (Jurutera Pendidikan, JKR Larut Matang & Selama), En. Ridzuan Bin Othman (Pembantu Teknik, JKR Larut Matang & Selama), En. Mohd Taib Azmi Bin Mohd Yusof (Pegawai Pendidikan Daerah) serta Guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan Bendang Siam, Taiping, Perak.

Projek ini telah diserahkan milik tapak pada 14 hb. Mac, 2002. Kontraktor yang terlibat untuk menyiapkan projek ini ialah Kadek Bina Sdn. Bhd. Dan projek ini telah disiapkan lebih awal dari yang dijadualkan. Pihak Jabatan Kerja Raya amat berpuas hati dengan mutu kerja yang telah ditunjukkan.

Sukan dan Rekreasi

Kelab Sukan dan Kebajikan ditubuhkan di bawah Jabatan Kerja Raya, Larut Matang & Selama, Taiping. Jurutera Daerah adalah ditetapkan sebagai Pengerusi Kelab dan Jawatankuasa adalah dipilih di dalam mesyuarat agung yang diadakan setiap tahun.

AKTIVITI

Disepanjang tahun 2002 beberapa aktiviti telah dijalankan ianya seperti ceramah Maulidur Rasul, Jamuan Makan Malam, majlis membaca yassin untuk anak-anak ahli yang akan mengambil peperiksaan, lawatan ke Langkawi, majlis berbuka puasa dan Jamuan Hari Raya.

PENCAPAIAN

Tahun 2002 juga adalah satu tahun yang cemerlang bagi ahli-ahli sukan kelab ini terutamanya bagi permainan badminton dimana JKR Taiping telah menjadi Johan acara tersebut bagi peringkat Daerah anjuran Kelab Sukan JKR Perak, di perlawanan akhir Pasukan Badminton JKR LM&S menewaskan pasukan dari Ibu Pejabat dengan 2-1 di mana pertandingan akhir itu diadakan di dewan Katholik Kuala Kangsar. Manakala pertandingan permainan bolasepak dimana JKR LM&S berjaya menjadi Naib Juara. Pasukan JKR LM&S tewas 0-1 kepada JKR Batang Padang pada perlawanan akhir di padang Sekolah Menengah Teknik Teluk Intan. Syabas diucapkan kepada yang berjaya.




Pasukan Bola Sepak



Pasukan Badminton

Do You Know !!!



Walaupun darah dalam badan manusia dewasa hanya 5 liter, namun proses jantung mengepam darah dalam tubuh menjadikan jumlah yang diproses adalah sebanyak 43,000 liter sehari. Jumlah ini cukup untuk mengisi 205 tong. Berat darah yang dipam pula ialah 43 tan, atau bersamaan dengan berat 7 ekor gajah dewasa.

1 tong = 200 liter
Berat purata seekor gajah dewasa = 6 tan (6000 kg)